

■ MOHD. AZRUL AZLEN ABD. HAMID

# Yahudi Pengganas Dunia

## Analisis Sirah Rasulullah s.a.w.

**B**aru-baru ini dunia gempar dengan tindakan pihak Yahudi Israel yang menyerang kapal *Mavi Marmara*, yang membawa para sukarelawan dari seluruh dunia, dan mengorbankan beberapa orang sukarelawan dari Turki.

Keganasan dan jenayah yang dilakukan oleh Yahudi bukanlah isu yang baru. Malah, keganasan dan perlakuan biadab mereka pernah dialami oleh Rasulullah s.a.w. memimpin negara Islam Madinah. Justeru, I-PoDS pada siri ini akan menganalisis sirah Rasulullah s.a.w. dengan memberikan fokus kepada tindakan orang Yahudi dan pengkhianatan serta jenayah terhadap orang Islam.

### Perjanjian Keamanan

Setelah Nabi s.a.w. berhijrah ke Madinah dan meyakini keadaan masyarakat Islam yang kukuh melalui penyatuan aqidah, politik dan peraturannya, Baginda mula mengatur hubungan diplomatik dengan masyarakat bukan Islam. Antara masyarakat yang paling hampir dengan Madinah ialah orang Yahudi. Tujuan Baginda mengatur perjanjian tersebut adalah untuk memperoleh keamanan dan kedamaian yang menyeluruh. Antara butir-butir perjanjian tersebut adalah:

- Orang Yahudi Bani 'Auf adalah satu umat bersama orang Mukmin. Orang Yahudi dan orang Islam berhak mengamalkan agama mereka termasuklah pengikut-pengikut mereka. Begitu juga orang Yahudi selain Bani 'Auf.

- Orang Yahudi dan orang Islam berkewajipan membimbing sendiri nafkah mereka.
- Antara mereka hendaklah saling tolong-menolong menentang orang yang memerangi piagam ini.
- Antara mereka hendaklah saling nasihat-menasihat, berbuat kebaikan dan tidak melakukan perkara yang dilarang.
- Seseorang itu tidak boleh membuat kesalahan terhadap sekutunya.
- Pertolongan hendaklah diberikan kepada orang yang dizalimi.
- Dalam keadaan suasana peperangan, orang Yahudi dan orang Mukmin hendaklah sama-sama saling membimbing.
- Dengan piagam ini, Yathrib menjadi tanah yang dihormati.
- Sebarang masalah atau pertikaian yang dibimbangi membawa kerosakan dalam kalangan mereka yang memeterai piagam ini hendaklah dirujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w.
- Orang Quraisy tidak boleh dilindungi dan begitu juga orang yang membantu mereka.

### Kaum Yahudi pada Zaman Nabi s.a.w.

Tahukah anda terdapat tiga suku kaum Yahudi yang pernah melakukan perjanjian dengan Rasulullah s.a.w dan kaum Muslimin, namun mereka telah mengkhianatinya.

1. Yahudi Bani Qainuqa'
2. Yahudi Bani Nadir
3. Yahudi Bani Quraizah



**“Orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga kamu menurut agama mereka (yang terpesong itu).”**

(Surah al-Baqarah 2: 120)

- Mereka yang terlibat dengan piagam ini hendaklah tolong-menolong menentang orang yang hendak menghancurkan Yathrib.
  - Perjanjian ini tidak boleh dilanggar melainkan orang yang zalim atau berdosa.
- (Ibn Hisham, *al-Sirah al-Nabawiyah*, jil. 1, hlm. 503-504)

### Perjanjian Dikhianati dan Dicabuli

Orang Islam tidak pernah cuba untuk mengkhianati perjanjian yang telah termeterai. Namun orang Yahudi yang terkenal dengan sikap mereka yang suka menipu, mengkhianati dan membobot telah melanggar perjanjian yang dipersetujui dengan menimbulkan kekacauan dan huru-hara dengan tujuan untuk menggoyahkan perpaduan umat Islam.

Antara perbuatan khianat yang dilakukan oleh orang Yahudi adalah:

#### 1. Melakukan provokasi dan gangguan terhadap orang Islam

Orang Yahudi cuba memecahbelahkan orang Islam melalui provokasi dan gangguan psikologi. Mereka sangat cemburu apabila melihat kemesraan yang terjalin sesama Muslim.

Suatu hari Shas bin Qays, seorang Yahudi tua yang sangat membenci Islam, bertemu sekumpulan sahabat Nabi s.a.w. daripada kalangan Aus dan Khazraj yang sedang berkumpul dan berbual mesra

■ MOHD. AZRUL AZLEN ABD. HAMID

# Yahudi Pengganas Dunia

## Analisis Sirah Rasulullah s.a.w.

**B**aru-baru ini dunia gempar dengan tindakan pihak Yahudi Israel yang menyerang kapal *Mavi Marmara*, yang membawa para sukarelawan dari seluruh dunia, dan mengorbankan beberapa orang sukarelawan dari Turki.

Keganasan dan jenayah yang dilakukan oleh Yahudi bukanlah isu yang baru. Malah, keganasan dan perlakuan biadab mereka pernah dialami oleh Rasulullah s.a.w. memimpin negara Islam Madinah. Justeru, I-PoDS pada siri ini akan menganalisis sirah Rasulullah s.a.w. dengan memberikan fokus kepada tindakan orang Yahudi dan pengkhianatan serta jenayah terhadap orang Islam.

### Perjanjian Keamanan

Setelah Nabi s.a.w. berhijrah ke Madinah dan meyakini keadaan masyarakat Islam yang kukuh melalui penyatuan aqidah, politik dan peraturannya, Baginda mula mengatur hubungan diplomatik dengan masyarakat bukan Islam. Antara masyarakat yang paling hampir dengan Madinah ialah orang Yahudi. Tujuan Baginda mengatur perjanjian tersebut adalah untuk memperoleh keamanan dan kedamaian yang menyeluruh. Antara butir-butir perjanjian tersebut adalah:

- Orang Yahudi Bani 'Auf adalah satu umat bersama orang Mukmin. Orang Yahudi dan orang Islam berhak mengamalkan agama mereka termasuklah pengikut-pengikut mereka. Begitu juga orang Yahudi selain Bani 'Auf.

- Orang Yahudi dan orang Islam berkewajipan membimbing sendiri nafkah mereka.
- Antara mereka hendaklah saling tolong-menolong menentang orang yang memerangi piagam ini.
- Antara mereka hendaklah saling nasihat-menasihat, berbuat kebaikan dan tidak melakukan perkara yang dilarang.
- Seseorang itu tidak boleh membuat kesalahan terhadap sekutunya.
- Pertolongan hendaklah diberikan kepada orang yang dizalimi.
- Dalam keadaan suasana peperangan, orang Yahudi dan orang Mukmin hendaklah sama-sama saling membayai.
- Dengan piagam ini, Yathrib menjadi tanah yang dihormati.
- Sebarang masalah atau pertikaian yang dibimbangi membawa kerosakan dalam kalangan mereka yang memeterai piagam ini hendaklah dirujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w.
- Orang Quraisy tidak boleh dilindungi dan begitu juga orang yang membantu mereka.

### Kaum Yahudi pada Zaman Nabi s.a.w.

Tahukah anda terdapat tiga suku kaum Yahudi yang pernah melakukan perjanjian dengan Rasulullah s.a.w dan kaum Muslimin, namun mereka telah mengkhianatinya.

1. Yahudi Bani Qainuqa'
2. Yahudi Bani Nadir
3. Yahudi Bani Quraizah

**“Orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga kamu menurut agama mereka (yang terpesong itu).”**

(Surah al-Baqarah 2: 120)



- Mereka yang terlibat dengan piagam ini hendaklah tolong-menolong menentang orang yang hendak menghancurkan Yathrib.
  - Perjanjian ini tidak boleh dilanggar melainkan orang yang zalim atau berdosa.
- (Ibn Hisham, *al-Sirah al-Nabawiyah*, jil. 1, hlm. 503-504)

### Perjanjian Dikhianati dan Dicabuli

Orang Islam tidak pernah cuba untuk mengkhianati perjanjian yang telah termeterai. Namun orang Yahudi yang terkenal dengan sikap mereka yang suka menipu, mengkhianati dan membobot telah melanggar perjanjian yang dipersetujui dengan menimbulkan kekacauan dan huru-hara dengan tujuan untuk menggoyahkan perpaduan umat Islam.

Antara perbuatan khianat yang dilakukan oleh orang Yahudi adalah:

#### 1. Melakukan provokasi dan gangguan terhadap orang Islam

Orang Yahudi cuba memecahbelahkan orang Islam melalui provokasi dan gangguan psikologi. Mereka sangat cemburu apabila melihat kemesraan yang terjalin sesama Muslim.

Suatu hari Shas bin Qays, seorang Yahudi tua yang sangat membenci Islam, bertemu sekumpulan sahabat Nabi s.a.w. daripada kalangan Aus dan Khazraj yang sedang berkumpul dan berbual mesra

dalam satu majlis. Melihat kemesraan dan hubungan yang baik antara sahabat Nabi itu, timbul kebencian lalu dia melakukan perkara berikut:

1. Mengungkit kembali kisah permusuhan antara Aus dan Khazraj sebelum dipersudarakan oleh Rasulullah s.a.w.
2. Menghantar seorang anak muda Yahudi ke dalam majlis yang dihadiri oleh kaum Aus dan Khazraj itu untuk mengungkit kembali peperangan Bu'ath dan kisah-kisah silam sebelumnya agar golongan Aus dan Khazraj kembali bersengketa dan bermusuhan.

Tindakan keji yang telah dilakukan oleh Shas ini telah menyebabkan:

1. Kaum Aus dan Khazraj mula berterlagak dan saling bermegah-megah dengan kehebatan masing-masing.
2. Dua orang lelaki daripada dua pihak (Aus dan Khazraj) mula marah dan berbalas kata sehingga mereka sanggup dan bersedia untuk menghidupkan semula perang saudara yang pernah wujud sejak lama sebelum ini. Kata mereka: "Kami sanggup dan perjanjian kita adalah apa yang zahir, senjata, senjata."

Walaupun ketegangan mula kelihatan, perancangan Yahudi tua tersebut telah gagal apabila Rasulullah s.a.w mengambil tindakan pantas iaitu bertemu dengan golongan Aus dan Khazraj serta menasihati mereka. Baginda s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Hai sekalian orang Islam. Allah, Allah, apakah ajakan yang kamu mahukan sedangkan aku berada bersama kamu, setelah Allah berikan hidayah kepada kamu untuk memeluk Islam, memuliakan kamu dengan Islam, menghapuskan urusan jahiliah yang ada pada kamu dengan Islam, menyelamatkan kamu daripada kekufturan dengan Islam dan dengan Islam juga dijinakkannya antara hati-hati kamu." (Ibn Hisham, *al-Sirah al-Nabawiyyah*)

Kata-kata Rasulullah s.a.w. itu membuatkan kaum Aus dan Khazraj:

1. Sedar bahawa mereka telah terpengaruh dengan tipu daya musuh mereka.
2. Mereka menangis dan saling berpelukan antara satu sama lain.
3. Dengar dan patuh terhadap perintah Rasulullah s.a.w.
4. Terselamat daripada perancangan Yahudi untuk memecahbelahkan mereka.

#### **Mohd Azrul Azlen Abd Hamid**

Lulusan Ijazah Sarjana Muda di UIAM dan Ijazah Sarjana (MA) dalam bahasa Arab juga di UIAM, dan sedang menyambung pengajian peringkat Ph.D di Universiti Malaya. Kini sebagai pensyarah di UIAM.

Boleh dihubungi di: mohdazrulazlan@gmail.com

## **Catatan Kebiadaban Yahudi dalam al-Quran**

Kebiadaban Yahudi/Bani Israel	Surah dan Ayat
1. Sikap suka <b>mempermainkan ayat Allah</b> s.w.t. serta <b>mengubah yang halal menjadi haram</b> dan sebaliknya.	Al-Nisa' 3: 46
2. <b>Sering membunuh para nabi</b> hanya kerana ajaran yang dibawa itu bertentangan dengan kehendak mereka.	Ali 'Imran 4: 112
3. <b>Sering membunuh para dai</b> yang menyeru manusia untuk melakukan keadilan dan kebaikan. Mereka melakukan pembunuhan kerana sikap hasad dan dengki.	Ali 'Imran 4: 21-22

#### **2. Gangguan terhadap umat Islam: Kisah seorang Muslimah dengan Yahudi**

Suatu hari seorang perempuan Muslim pergi ke pasar Bani Qainuqa' dengan membawa hasil tenusunya lalu duduk berdekatan dengan seorang tukang emas. Kemudian datang beberapa orang Yahudi mengganggu perempuan tersebut.

"Buka penutup mukamu," kata orang Yahudi tersebut. Perempuan itu lantas menjawab, "Tidak." Si tukang emas (seorang Yahudi) yang berada berdekatan secara diam-diam memegang hujung kain perempuan itu tatkala dia tidak menyedari, lalu disimpulnya hingga ke bahagian belakang badannya. Apabila perempuan itu bangun, maka tersingkaplah pakaiannya dan terdedahlah auratnya.

Lalu orang Yahudi tersebut mentertawakannya. Lantas perempuan itu menjerit meminta tolong. Spontan datang seorang lelaki Muslim menyeru tukang emas tersebut lalu membunuhnya.

Orang Yahudi yang melihat kejadian itu segera bertindak balas lalu membunuh Muslim tersebut. Keluarga lelaki Muslim itu mula menjerit memanggil orang Islam untuk menghadapi orang Yahudi tersebut. Maka berlakulah pergaduhan antara mereka dengan Bani Qainuqa'. (Ibn Hisham, *al-Sirah al-Nabawiyyah*, jil. 2, hlm. 47-48)

#### **3. Perancangan melakukan pembunuhan: Rasulullah s.a.w. sebagai sasaran**

Satu ketika Rasulullah s.a.w. pergi ke perkampungan Yahudi Bani Nadir untuk meminta bantuan mereka atas diat (denda) dua orang Muslim yang terbunuh daripada Bani Amir, manakala yang melakukan pembunuhan ialah Amr bin Umayyah al-Dimari. Permintaan itu dilakukan disebabkan sudah ada ikatan perjanjian persahabatan antara Rasulullah s.a.w. dengan mereka.

Ketika Rasulullah s.a.w. datang menyatakan tujuan kedadangannya, mereka bersetuju. Namun ketika Rasulullah s.a.w. duduk bersandar di dinding rumah mereka,

mereka merancang membunuh Baginda s.a.w. dengan menjatuhkan batu besar ke atas kepalaanya. Tetapi Allah melindungi Rasul-Nya daripada perancangan Yahudi tersebut dengan mengirimkan wahyu melalui malaikat Jibrail tentang rencana jahat itu.

#### **4. Pakatan untuk menghancurkan orang Islam**

Yahudi Bani Nadir yang telah diusir atas kesalahan mereka sendiri, terus berdendam lalu telah sepakat dengan Yahudi Bani Quraizah dengan memilih beberapa orang pemimpin mereka untuk menghasut orang Quraisy dan beberapa suku Musyrik yang lain. Mereka berpakat untuk membentuk pasukan al-Ahzab iaitu pakatan ketenteraan antara pasukan Musyrik dan pasukan Yahudi.

Perperangan al-Ahzab memberi ancaman besar terhadap orang Islam yang telah terkepung, ditambah dengan tingkah laku golongan munafik yang cuba menggoyahkan pasukan Islam. Berkat kesabaran dan kesepakatan orang Islam ketika itu, maka Allah s.w.t. mengirimkan malaikat dengan mendatangkan serangan berupa angin taufan dan petir yang memporak-perandakan pasukan al-Ahzab. Kesemua mereka kemudiannya lari meninggalkan medan perang dengan membawa pulang sebuah kekalahan.

#### **Kesimpulan**

Begitulah Yahudi, bangsa yang secara terang-terangan melakukan jenayah dan menunjukkan kebiadaban mereka tanpa rasa takut. Sirah nabawi telah menjelaskan sikap sebenar orang Yahudi yang tidak sekali-kali akan reda kepada orang Islam. Mereka akan terus melakukan jenayah dengan menyeka dan membunuh orang Islam. Keadaan ini berterusan sehingga sekarang apabila kita melihat penduduk Islam Gaza yang disejaka dan dibunuh dengan kejam. Sama-sama lah kita doakan kesejahteraan orang Islam di Palestin dan semoga mereka terus tabah untuk menghadapi ujian yang dijanjikan ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. **S**